

RM2.243b atasi banjir di Terengganu

Peruntukan laksana pelbagai projek demi kesejahteraan rakyat

Oleh Zatul Iffah Zolkipli dan Zaid Salim
bhnews@bh.com.my

Chukai: Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.243 bilion untuk pelaksanaan pelbagai projek tebatan banjir, pemuliharaan muara sungai dan menangani hakisan pantai di Terengganu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebahagian besar peruntukan itu adalah bagi projek pemuliharaan muara sungai membabitkan sebanyak RM999.86 juta.

Beliau berkata, jumlah peruntukan itu juga termasuk RM581.39 juta bagi projek bawah Rancangan Tebatan Banjir.

“Untuk Terengganu, keseluruhannya bagi projek tebatan banjir dan pemuliharaan muara sungai, hakisan pantai di Terengganu itu belum selesai (seperti) di Pantai Marang.

“Bagaimanapun, setakat ini yang sudah diluluskan RM2.243 bilion, termasuk pemuliharaan muara sungai dan tebatan banjir sebanyak RM581.39 juta serta Projek Loji Rawatan Kumbahan dan Rangkaian Paip Pembetulan bernilai RM662.26 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa MADANI Peringkat Terengganu 2025 di Masjid Sultan Ahmad, di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ah-



Anwar bersama Dr Ahmad Samsuri bersalaman dengan jemaah pada Majlis Berbuka Puasa MADANI Peringkat Negeri Terengganu di Masjid Sultan Ahmad, Kemaman.

(Foto Ghazali Kori/BH)

mad Samsuri Mokhtar.

Pertambahan dana disalurkan

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan RM1.836 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan di Terengganu tahun ini, berbanding RM1.597 bilion pada 2024.

Beliau berkata, peruntukan itu menunjukkan pertambahan RM239 juta berbanding pada 2024. “Merujuk sumber Data MyProjek hingga 10 Mac lalu, Terengganu mempunyai 432 program/projek yang sudah diluluskan.

“Hingga 10 Mac lalu, sebanyak

1,363 projek sudah siap dan ini selepas diambil kira projek yang lama dengan kos keseluruhan RM60.10 bilion merangkumi semua negeri di Malaysia.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 83 projek yang telah siap di Terengganu sahaja bernilai RM1.826 bilion,” katanya.

Guru KAFA, imam, bilal terima BKKA RM250

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menyalurkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) 2025 sebanyak RM250 kepada lebih 70,000 guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), guru takmir, imam, bilal, tok siak, noja serta marbut bagi menghargai sumbangan mereka.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan, memaklumkan, ia adalah tambahan daripada pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, berhubung pemberian BKKA sebanyak RM500 kepada penjawat awam dan pesara.